

# Anak Jengka harumkan negara

NOR KHALILAH GUSTI HASSAN  
14 MEI 2018

[Facebook](#)

[Twitter](#)

[WhatsApp](#)

[Email](#)

[More 187](#)



Pencapaian Haziq membanggakan warga Jengka.

BANDAR JENGKA - Satu pencapaian membanggakan apabila seorang daripada tiga pelumba program 'Impian ke MotoGP' merupakan aset negara berasal dari Taman Jengka Mahkota di sini.

Memperagakan tunggangan bergaya pada pusingan pembuka tirai Kejuaraan Superbike Malaysia (MSBK) 2018 di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) semalam, Muhammad Harith Haziq, 14, ketika dihubungi berkata, gembira mewakili warga Jengka untuk beraksi di kejuaraan itu.

Beliau yang mesra disapa Haziq beraksi di kelas Super 250.

"Saya sudah berlatih dengan bersungguh-sungguh dan sudah bersedia untuk bersaing di MSBK di bawah nama SIC."

"Ini satu cabaran besar tapi saya mahu melakukan yang terbaik dan banggakan SIC dan keluarga," katanya.

Kempen MSBK 2018 menyajikan lima pusingan perlumbaan dengan pusingan kedua berlangsung pada 27 dan 29 Julai ini.

Haziq berangkat ke Sepang kelmarin ditemani ibunya, Norazian Ahmed dan bapanya, Zamri Abd Samad.

Sementara itu, menurut Norazian, anaknya itu merupakan pelumba pasukan SIC Junior Racing Team yang bermain untuk Cub Prix Kategori WIRA KBS (Kementerian Belia Sukan).

"Bakat Haziq diglap dari sejak berusia empat tahun lagi sekadar suka-suka dan terpilih menyertai klinik Cub Prix serta mendapat asuhan dan bimbingan daripada pelumba pelumba terkenal negara."

"Pencapaian terbaik Haziq dalam Malaysian Cub Prix Round 1 di Tangkak, Johor kategori wira dengan mendapat naib johan," katanya.



